

Koperasi pacu ekonomi

Oleh AHMAD KAMIL MOHAMED

SAYA yakin ramai di antara kita yang tidak tahu bahawa gerakan koperasi di negara ini telah bertapak seawal tahun 1922 dengan penubuhan koperasi yang pertama iaitu Syarikat Bekerjasama Jimat Cermat dan Pinjaman Wang Pekerja-Pekerja Jabatan Pos dan Telekom Berhad yang kini dikenali dengan Koperasi Kakitangan Telekom Malaysia Berhad.

Ini diikuti pula pada 3 Disember 1923, apabila Syarikat Kampung Tebuk Haji Musa Bekerjasama Dengan Tanggungan Berhad di Parit Buntar, Krian, Perak didaftarkan sebagai syarikat kerjasama kedua di Tanah Melayu.

Namun di peringkat awal kelahiran koperasi dahulu, penubuhannya dilihat tidak lebih sebagai dana untuk memberi pinjaman wang kepada ahli-ahlinya. Penerokaan dalam bidang perniagaan dan keusahawanan tidak pernah terfikir dan terlantas pun di kala itu. Di sekolah pula, saya masih ingat kegiatan koperasi bermula dengan aktiviti penjualan peralatan sekolah yang diuruskan oleh guru secara keseluruhannya.

Berdasarkan statistik Jabatan Pembangunan Koperasi, di negara ini terdapat sejumlah 4,771 koperasi dengan 5.68 juta anggota, selain daripada yuran berjumlah RM6.84 bilion dan aset bernilai RM34.86 bilion. Mengikut statistik, negara kini mempunyai sebanyak 4,771 koperasi dengan anggota berjumlah 5.68 juta orang, yuran sebanyak RM6.84 bilion dan aset bernilai RM34.86 bilion. Berlaku peningkatan yang menggalakkan bukan sahaja daripada bilangan koperasi sejak sepanjang tempoh 2001-2005 tetapi juga peningkatan sebanyak 10 peratus daripada jumlah asetnya.

Indikator

Angka-angka ini merupakan indikator bahawa kepentingan koperasi tidak harus dipandang ringan lebih-lebih lagi apabila kerajaan berhasrat memperkakan sektor koperasi dan menjadikan ia sektor ketiga terpenting selepas sektor awam dan swasta.

Dalam usaha untuk memacu dan pertumbuhan ekonomi koperasi dan memastikan ia bergerak di atas landasan yang betul dan diuruskan secara lebih teratur, kerajaan mengambil inisiatif menubuhkan Dasar Koperasi Negara pada 2002. Malah dalam RMK-9 Suruhanjaya Koperasi Malaysia (MCC) telah diluluskan untuk menggantikan Jabatan Pembangunan Koperasi mengawal selia dan mengawasi sektor koperasi dengan berkesan selain merealisasikan potensi sektor ini sebagai penjana ekonomi negara.

Pengiktirafan kerajaan terhadap peranan sektor koperasi sebagai sektor ketiga terpenting dalam pembangunan negara menuntut komitmen yang bukan sedikit daripada penggerak koperasi di negara ini.

Kewujudan koperasi yang ditubuhkan

Kewujudan koperasi yang ditubuhkan tidak lebih hanya sebagai peminjam wang dan untuk kegiatan main kutu tentunya tidak lagi relevan dalam konteks dan aspirasi kerajaan kini



DATUK Seri Abdullah Ahmad Badawi menyampaikan trofi kepada Tokoh Koperasi sebagai menghargai peranan mereka yang terlibat dalam membangunkan koperasi di negara ini:

tidak lebih hanya sebagai peminjam wang dan untuk kegiatan main kutu tentunya tidak lagi relevan dalam konteks dan aspirasi kerajaan kini. Tidak hairanlah kalau kita lihat koperasi sebegini bukan sahaja tidak mempunyai matlamat yang jelas dalam penubuhannya tetapi juga dilihat semakin terabai. Namun bilangannya cuma sedikit iaitu sekitar 9.8 peratus daripada 4,771 koperasi sedia ada.

Perhatian yang perlu diberikan sekarang ialah terhadap koperasi yang dilihat berpotensi dan berdaya maju untuk meneroka dalam bidang yang memberi pulangan yang besar dan dipimpin untuk bergerak di atas entiti yang berlandaskan keusahawanan. Penekanan kepada aspek keusahawanan, koperasi dilihat begitu penting kerana ia berupaya melonjakkan koperasi melepasi tahap perniagaan konvensional selain memimpin dan menadbir koperasi dalam aktiviti perniagaan yang lebih berkesan.

Gerakan koperasi perlu mempelbagai-kan kegiatannya dengan keluar dari ruang lingkup yang selama ini membatasi peluangnya untuk bersaing dalam kegiatan ekonomi yang lebih kompetitif.

Tuntutan untuk menjadikan sektor koperasi sebagai pemacu ketiga ekonomi negara, hanya mampu dicapai sekiranya gerakan koperasi di negara ini melakukan perubahan dan meneroka perniagaan yang berskala besar.

Koperasi tidak sewajarnya terlalu teri-

kat dengan cara lama dalam menggerakkan kegiatan mereka selain mengamalkan sistem pengurusan yang lapuk dan menjalankan perniagaan berskala kecil.

Jumlah dana RM6.84 bilion jika dimanipulasikan secara optimum berupaya membiayai pelbagai projek dan menajana beberapa sektor lain yang bakal memberi pulangan yang besar kepada para ahlinya.

Koperasi juga boleh beralih kepada penerokaan bidang-bidang baru yang digalakkan oleh kerajaan selain berpotensi besar untuk menyumbang kepada pertumbuhan lebih kukuh seperti bioteknologi, industri herba, automotif, perkhidmatan teknologi maklumat, industri makanan halal, biokomposit, perkapalan, perabot dan pembuatan melalui program vendor dengan kerjasama syarikat berkaitan kerajaan (GLC) serta syarikat gergasi multinasional.

Kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan seperti MARDI, FAMA, SIRIM dan Lembaga Koko Malaysia dalam bidang penyelidikan dan pembangunan juga perlu dipertingkatkan bagi membantu koperasi meningkatkan kualiti dan mutu produk serta berpeluang untuk mengkomersialkan produk koperasi.

Dalam hubungan ini, Anggota Lembaga Koperasi seharusnya bijak mencari peluang perniagaan dalam bidang yang mereka mempunyai kelebihan. Bagi mencapai hasrat ini kerjasama tentunya

boleh dijalin dengan syarikat swasta.

Gabungan kekuatan yang ada pada sektor koperasi dari segi modal, keanggotaan dan saiz pasaran yang luas dipadankan dengan kepakaran dan pengalaman usahawan mengurus perniagaan yang dimiliki oleh sektor swasta merupakan elemen penting dalam konsep kerjasama ini. Ia akhirnya dapat meningkatkan dan mengembangkan lagi perniagaan koperasi yang cuma terhad dengan aktiviti konvensional kepada aktiviti ekonomi yang berupaya menjana pulangan yang lebih tinggi. Pembangunan tanah seperti pertanian, penternakan dan juga perumahan mungkin antara bidang yang boleh difikirkan untuk diceburi secara bersama.

Selain daripada itu saranan Perdana Menteri supaya koperasi diurus secara lebih cekap khususnya dalam pengurusan kewangan perlu disambut positif oleh mereka yang terbabit. Bahawa ada sesetengah koperasi yang sering menimbulkan keraguan dari segi kedudukan kewangannya menuntut supaya anggota-koperasi koperasi memiliki pengetahuan yang secukupnya bagi mengurus koperasi secara lebih berkesan.

Pemangkin

Namun begitu, itu bukanlah masalah besar koperasi kerana kewujudan Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) yang bertindak sebagai pemangkin dalam memberikan pendidikan latihan yang berkualiti untuk tujuan tersebut. Dalam memastikan anggota-anggota koperasi mempunyai perancangan dan membuat pelaburan yang memberikan hasil dan manfaat kepada ahli dan negara amnya, saya kira M K M perlu turut sama memikul tanggungjawab dalam memberikan fokus pendidikan yang terbaik memenuhi aspirasi nasional dan menghasilkan koperator unggul yang terlatih untuk membuat keputusan penting dalam pergerakan koperasi mereka.

M K M perlu lebih proaktif bagi memastikan anggota koperasi dan juga anggota lembaga pengarahnya mempunyai pendidikan yang bertaraf dunia serta mampu bersaing dan memberikan persaingan dalam bidang-bidang ekonomi yang lain.

Peranan M K M perlu dilipatgandakan dalam mengharungi era dunia serba maju dan pesat membangun untuk memastikan setiap ahli koperasi menerima latihan yang benar-benar mantap bagi membangunkan koperasi mereka selaras dengan Dasar Koperasi Negara.

Sudah sewajarnya enjin Pembangunan ketiga negara ini perlu dipacu oleh mereka yang mempunyai pendidikan dan latihan yang cukup dalam membuat keputusan penting terhadap koperasi mereka.

Semua koperasi perlu melihat semula prestasi mereka dalam menyusun tindakan supaya lebih dinamik di samping melakkan perubahan yang sesuai dengan cabaran semasa supaya kekal relevan dan kompetitif dalam proses globalisasi yang kian hebat kini.